



**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PROGRAM**

**MALAYSIA LABORATORIES FOR
ACADEMIA-BUSINESS
COLLABORATION (MyLAB) 1/2016
(Semakan 2016)**

**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8870 6952 / 6957 / 6964/ 8870 6000 samb. 4578
NO. FAKS: +603 – 8870 686**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

Falsafah	3
Definisi	3
Visi dan Misi	3
Teras	4
Tujuan	4
Bidang Penyelidikan	4
Syarat-syarat permohonan IPT	5
Syarat-syarat permohonan industri	6
Perancangan Perniagaan	6-7
Kriteria Penilaian Projek	7-9
Pembiayaan Dana MyLAB	9-11
Hasil Projek	11

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN PERMOHONAN)

Penilaian MyLAB	12
-----------------	----

BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)

Mekanisme Pemantauan	13
----------------------	----

BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)

Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	14
---	----

BAHAGIAN 5 (TERMA RUJUKAN)

Ketua Projek	15
Ketua Sub-Projek	15
Industri	15
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) & Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) TNC (PI)	16

BAHAGIAN 6 (PERATURAN PELAKSANAAN)

Syarat-syarat	17
---------------	----

MAKLUMAT URUS SETIA	18
----------------------------	-----------



BAHAGIAN 1 PERMOHONAN

1.1 FALSAFAH

Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) ditubuhkan sebagai langkah menyahut hasrat kerajaan untuk meningkatkan jaringan kolaborasi Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan sektor industri. Program ini bertujuan menyasarkan pertumbuhan teknologi dan inovasi tempatan serta pemindahan ilmu dan sumber secara sistematik. Justeru, MyLAB diharap berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* khususnya yang telah dikenal pasti.

MyLAB juga dapat membina kerjasama keserakan merentasi pelbagai institusi di IPT dengan sektor industri dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan dan pengkomersilan dalam niche-niche tertentu.

1.2 DEFINISI

MyLAB merupakan program penyelidikan yang berfokuskan kepada lima (5) bidang teknologi iaitu nanoteknologi, bioteknologi, pengangkutan : automotif dan rel, aeroangkasa & minyak dan gas yang melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) makmal penyelidikan di pelbagai IPT serta industri yang berkaitan dalam melaksanakan projek penyelidikan. Projek MyLAB melibatkan skop yang lebih spesifik dengan tempoh masa maksimum sehingga tiga (3) tahun serta memerlukan komitmen yang tinggi. Melalui inisiatif MyLAB, teknologi dan inovasi yang relevan kepada kehendak industri mampu dibangunkan.

1.3 VISI MyLAB

Meningkatkan kolaborasi di antara makmal IPT di Malaysia dan industri untuk meningkatkan / menghasilkan produk dan servis yang inovatif .

1.4 MISI MyLAB

- Untuk menghasilkan program penyelidikan yang memfokuskan agenda utama negara untuk mengadakan perkongsian pintar / strategik di antara akademik dan industri
- Untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan untuk menghasilkan “*total solution showcase*” yang sudah sedia untuk dikomersilkan.



1.5 TERAS MyLAB

- i. Permasalahan teknologi, produk atau proses dari industri yang boleh diselesaikan oleh IPT melalui penyelidikan dan kepakaran;
- ii. Mempunyai produk (sedia ada) yang telah dibangunkan oleh IPT yang boleh mempertingkatkan produk atau teknologi industri;
- iii. Mempunyai prototaip yang dibangunkan oleh IPT tempatan, teknologi atau proses yang berpotensi untuk dikomersilkan oleh industri.
*semua permohonan bagi Teras MyLAB di atas, memerlukan sekurang-kurangnya MoU atau sebarang bentuk persetujuan seperti *Letter of Intent* (Lol).

1.6 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penciptaan yang inovatif dan terkehadapan dalam nic-nic yang strategik demi perkembangan industri negara supaya mampu bersaing di persada dunia.

Program ini juga bertujuan untuk menghasilkan *total solution showcase* yang siap untuk dipasarkan melalui kolaborasi IPT dan industri.

1.7 BIDANG TUJAHAN

Pembiayaan dana MyLAB meliputi bidang-bidang nic atau tujahan yang berimpak tinggi seperti berikut:-

- i. Nanoteknologi
- ii. Bioteknologi
- iii. Pengangkutan
 - a) Automotif
 - b) Rel
- iv. Aeroangkasa
- v. Minyak & Gas

Anggaran peruntukan dana MyLAB adalah mengikut keperluan sesuatu projek yang dipohon.



1.8 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.8.1 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

- 1.8.1.1 Penyelidikan yang berorientasikan produk ataupun penyelesaian masalah industri yang dikenal pasti melalui kerjasama IPT dan industri. Keutamaan diberikan kepada IPT dan industri yang telah mempunyai projek kerjasama dalam bidang yang dipohon.
- 1.8.1.2 Projek mestilah melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) makmal penyelidikan IPT yang berbeza, yang kondusif (infrastruktur, ruang, peralatan dan sumber manusia) dan industri.
- 1.8.1.3 Projek mestilah berfokuskan kepada *technology focus area* iaitu nanoteknologi, bioteknologi, pengangkutan: automotif dan rel, aeroangkasa & minyak dan gas
- 1.8.1.4 Warganegara Malaysia dan kakitangan akademik IPTA (Profesor dan Profesor Madya) yang berjawatan tetap sebagai Ketua Projek
- 1.8.1.5 Ketua Projek mestilah daripada IPTA dan bertindak sebagai IPT peneraju. Institut Penyelidikan dan IPTS boleh dijemput sebagai ahli oleh Ketua Projek.
- 1.8.1.6 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek pada setiap fasa.
- 1.8.1.7 Kakitangan akademik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek atau Ketua Sub-Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.8.1.8 Ketua Projek yang berpindah universiti hendaklah melepaskan jawatan. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 1.8.1.9 Tempoh maksimum penyelidikan projek adalah sehingga tiga (3) tahun.
- 1.8.1.10 Penyelidik sepenuh masa yang dibayar melalui program MyLAB mestilah berstatus warganegara Malays

1.8.2 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (INDUSTRI)

- 1.8.2.1 Industri yang terlibat mestilah mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 51% oleh warganegara Malaysia.
- 1.8.2.2 Industri dalam kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mestilah mempunyai sekurang-kurangnya RM100,000.00 modal berbayar. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang baru ditubuhkan boleh dikecualikan tetapi mesti menyediakan justifikasi dan dokumen sokongan.
- 1.8.2.3 Peranan industri mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam kertas cadangan (agihan kerja dan kos projek)
- 1.8.2.4 Pihak industri mestilah memberi sumbangan kewangan selain daripada *'in kind'*
- 1.8.2.5 Industri mesti menunjukkan kemampuan (teknikal dan rekod pencapaian) dan justifikasi yang kukuh untuk menyumbang ke arah kejayaan projek ini
- 1.8.2.6 Untuk sumbangan *'in kind'*, industri perlu menyatakan dengan jelas setiap perkara dan aktiviti yang disumbangkan
- 1.8.2.7 Industri yang telah memberi sumbangan dari segi kewangan atau peralatan yang berterusan kepada universiti terbabit akan diberi keutamaan

1.8.3 PERANCANGAN PERNIAGAAN

- 1.8.3.1 Pemohon perlu mengemukakan perancangan perniagaan yang terperinci dan lengkap seperti butiran berikut (rujuk borang permohonan untuk butiran lanjut):
 - perancangan perniagaan dan pemasaran
 - permintaan pasaran
 - saiz pasaran
 - keperluan pasaran
 - pertumbuhan permintaan
 - pulangan pelaburan (RoI)
 - sasaran pelanggan

- unjuran kewangan dan keuntungan
- pesaing dalam pasaran di peringkat tempatan atau antarabangsa
- ramalan perniagaan dalam jangka masa lima (5) tahun selepas projek tamat
- strategi perniagaan
- dan lain-lain maklumat yang berkaitan

1.9 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

1.9.1 Projek yang dicadangkan mestilah mempunyai unsur-unsur teknologi dan inovasi bagi pengkomersilan produk dan perkhidmatan.

1.9.2 Projek tersebut mestilah telah mempunyai prototaip/proses/perkhidmatan dengan bukti kukuh yang disokong oleh *Proof of Concept* (POC).

1.9.3 Kriteria berikut akan diambil kira dalam proses penilaian:

1.9.3.1 Novelti – Kertas cadangan projek mestilah mempunyai ciri-ciri keunikan dan novelti tempatan dalam aspek teknologi / produk / perkhidmatan. Pemohon perlu melaksanakan *due diligence* untuk memastikan teknologi/produk/perkhidmatan yang boleh berdaya saing di pasaran dan boleh dilindungi di bawah Akta Harta Intelek.

1.9.3.2 Kebolehlaksanaan Teknikal - Permohonan akan dinilai berdasarkan kebolehan pemohon untuk melaksanakan projek dengan jayanya dalam jangka masa yang ditetapkan.

1.9.3.3 Penilaian lawatan tapak akan dilaksanakan sekiranya perlu dalam proses penilaian oleh panel penilai.

1.9.3.4 Lawatan Audit Makmal – Lawatan audit makmal akan dijalankan untuk menentukan kebolehjayaan, isu teknikal dan hala tuju keseluruhan termasuk untuk menentukan penyaluran pembiayaan seterusnya.

1.9.3.5 Kompetensi Kumpulan Penyelidik

- i. Kumpulan penyelidik perlu mempunyai ahli-ahli yang kompeten daripada segi aspek teknikal dan pengkomersilan.

- ii. Peranan dan tanggungjawab pihak yang berkolaborasi dalam projek ini hendaklah dinyatakan secara terperinci.
- iii. Ketua Projek mesti mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan yang dipohon dan mempunyai pengalaman bekerjasama dengan industri.
- iv. Penglibatan pakar runding perlu diberi justifikasi secara terperinci.
- v. Setiap ahli penyelidik perlu menyatakan pengalaman penyelidikan di dalam CV dengan jelas terutamanya yang berkaitan dengan projek yang dipohon

1.9.3.6 Kredibiliti Projek Penyelidikan - Projek penyelidikan mestilah boleh menghasilkan *total solution showcase* yang sedia untuk dipasarkan. Ia mestilah jelas, tepat dan konsisten serta memenuhi ciri-ciri kehendak pasaran. Cadangan penyelidikan mestilah mempunyai *milestone* dan aktiviti projek yang boleh dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan.

1.9.3.7 Kesesuaian Metodologi – Ketua Projek perlu menghuraikan metodologi dengan lengkap (turutan dan fasa yang jelas) untuk membolehkan penilai menentukan sama ada metodologi yang akan digunakan sesuai dan mencukupi untuk mencapai objektif penyelidikan.

1.9.3.8 Keupayaan Kewangan Industri – Pihak industri perlu menunjukkan bukti keupayaan kewangan untuk membiayai mana-mana penyelidikan yang tidak ditaja oleh MyLAB.

1.9.3.9 Perancangan Kos Projek – Perancangan yang terperinci bagi kos projek hendaklah disertakan. Pembelian peralatan dan perolehan sebarang perkhidmatan perlu disertakan dokumen untuk kelulusan panel penilai MyLAB

1.9.3.10 Risiko – Ketua Projek hendaklah menyatakan risiko (teknologi, kewangan dan masa) yang berkemungkinan akan menjejaskan pelaksanaan projek.

1.9.3.11 Pihak industri hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang terkini 9, 24 dan 49 (Akta Syarikat 1965) bersama dengan laporan tahunan terkini
- ii. *Memorandum and Article of Association* (MoA) atau Memorandum of Understanding (MoU) atau lain-lain dokumen yang berkaitan antara industri dan universiti atau yang telah dipersetujui sebelum permohonan dibuat
- iii. Sijil insolvensi terkini dari Jabatan Insolvensi Malaysia.

1.9.3.12 Lain-lain – Ketua Projek dan ahli kolaborasi hendaklah memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh MyLAB.

1.10 PEMBIAYAAN DANA MyLAB

Dana ini hanya boleh digunakan untuk projek yang diluluskan oleh KPT di bawah geran MyLAB:

1.10.1 **Vot 11000**

(Emolumen dan Elaun)

Bayaran bagi emolumen/elaun perlu memenuhi peraturan kewangan sedia ada.

Perbelanjaan untuk sumber manusia hanya boleh digunakan oleh IPT sahaja.

1.10.2 **Vot 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 5 peratus (5%) daripada jumlah keseluruhan projek.

1.10.3 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.10.4 Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Penyelidik daripada IPT sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal daripada segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

1.10.5 **Vot 24000**
(Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, ruang makmal, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek.

1.10.6 **Vot 27000**
(Bekalan dan Bahan rojek)

Hanya perbelanjaan untuk bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.

1.10.7 **Vot 28000**
(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

1.10.8 **Vot 29000**

(Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium (*non team member*), perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan perisian komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas sokongan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, projek sangkutan jangka pendek untuk mempelajari teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah satu (1) minggu dan tidak melebihi dua (2) bulan.

Penyediaan dan pendaftaran harta intelek (IP).

Mendapatkan sijil piawaian.

1.10.9 **Vot 35000**
(Aksesori dan Peralatan)

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. senarai dan justifikasi alat yang dipohon perlu dikemukakan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada peruntukan geran.

Sebarang peralatan dan perisian yang dibeli menggunakan peruntukan MyLAB merupakan hak milik Kementerian. Walau bagaimanapun, selepas projek tamat, semua peralatan yang dibeli hendaklah diselenggarakan oleh universiti/ industri berkenaan.

1.11 HASIL PROJEK

1.11.1 Projek yang dihasilkan perlulah “*total solution showcase*”; yang sedia untuk dipasarkan.

1.11.2 Harta Intelek

1.11.3 Pemindahan teknologi dan ilmu di antara IPT dan industri.

1.11.4 Laporan akhir dan perancangan perniagaan untuk tujuan pengkomersilan.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN PERMOHONAN

2.1 PENILAIAN MyLAB

2.1.1 Permohonan MyLAB akan dinilai mengikut lima (5) bidang tujahan yang telah ditetapkan.

2.1.2 Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut seperti di perkara (Kriteria Penilaian) di atas serta Garis Panduan Permohonan Program MyLAB, Kementerian Pendidikan Tinggi.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 MEKANISME PEMANTAUAN PROJEK

- 3.1.1 Pemantauan setiap bulan dalam tempoh enam (6) bulan pertama terhadap setiap projek penyelidikan akan dilakukan.
- 3.1.2 Mekanisme pemantauan berdasarkan pencapaian hasil penyelidikan yang telah ditetapkan.
- 3.1.2.1 Laporan kemajuan projek dan kewangan setengah tahun berdasarkan carta perbatuan dan *milestone* asal.
 - 3.1.2.2 Penilaian bersemuka secara berkala dengan Pengurus Projek akan dilakukan dan lawatan tapak dan pemantauan makmal oleh panel penilai juga akan dijalankan.
 - 3.1.2.3 Melibatkan aktiviti di antara IPT dan industri sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun (mengikut keperluan)
 - 3.1.2.4 Ketua Projek perlu membentangkan Laporan Kemajuan Projek kepada panel penilai bagi tujuan penilaian.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 4.1.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan salinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju serta Ketua Projek.
- 4.1.2 Wakil yang bertanggungjawab kepada IPT peneraju perlu menandatangani perjanjian dengan KPT sebelum penyaluran dana dilakukan.
- 4.1.3 Pembayaran akan dibuat oleh KPT secara berjadual berdasarkan carta perbatuan dan laporan projek kepada IPT peneraju setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

BAHAGIAN 5

TERMA RUJUKAN

5.1 KETUA PROJEK

- 5.1.1 Mematuhi Garis Panduan MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan.
- 5.1.2 Menerajui dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas projek yang dipohon.
- 5.1.3 Menjalankan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- 5.1.4 Menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir.
- 5.1.5 Mengurus projek dan kelestarian kolaborasi industri.

5.2 KETUA SUB – PROJEK DAN UNIVERSITI KOLABORASI

- 5.2.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Projek dan projek yang diuruskan.
- 5.2.2 Melaksanakan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- 5.2.3 Menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir kepada Ketua Projek melalui RMC IPT masing-masing untuk tujuan penilaian panel penilai.

5.3 INDUSTRI

- 5.3.1 Menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menjayakan projek yang dipersetujui bersama.
- 5.3.2 Bekerjasama bagi memastikan projek dijalankan mengikut perancangan semasa.
- 5.3.3 Menjalankan kajian pasaran dan menyediakan perancangan perniagaan secara terperinci bagi persiapan pengkomersilan produk penyelidikan tersebut.



5.4 PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) DAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) IPT

- 5.4.1 Menilai cadangan projek secara terperinci dan memastikan setiap garis panduan dipatuhi.
- 5.4.2 Memastikan Ketua Projek, Ketua Sub Projek dan pihak industri yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang disertakan.
- 5.4.3 Memudahkan cara dan memudah selia aktiviti permohonan; dan pemprosesan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Permohonan Projek MyLAB.
- 5.4.4 Memantau kemajuan projek dan pencapaian *milestone* pada masa yang ditentukan.
- 5.4.5 Mengemaskini senarai aset yang dibiayai melalui dana MyLAB.
- 5.4.6 Pihak RMC tidak dibenarkan untuk mengambil atau menggunakan peruntukan yang telah diberikan kepada projek MyLAB yang telah disalurkan.

BAHAGIAN 6

PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK

Syarat-syarat dan peraturan pelaksanaan Projek MyLAB di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah seperti berikut:

- i) Projek yang diluluskan dan menerima peruntukan di bawah Geran MyLAB tidak dibenarkan menerima sebarang peruntukan daripada Kementerian/agensi lain bagi projek yang sama;
- ii) Ketua projek perlu mematuhi Garis Panduan MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan;
- iii) Pihak *Research Management Center* (RMC) berserta pihak Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) perlu memastikan Ketua Projek, Ketua Sub Projek dan pihak industri yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang disertakan;
- iv) Mematuhi peraturan kewangan kerajaan seperti yang telah ditetapkan. Sekiranya ketua projek dan kumpulan gagal mematuhi *timeline* yang telah ditetapkan, maka KPT berhak menangguhkan pembayaran kepada projek yang berkaitan sehinggalah perkara tersebut dapat diselesaikan, atau memberhentikan terus pembayaran sekiranya prestasi tidak memuaskan.
- v) Memberikan pembentangan dan laporan bertulis tentang kemajuan projek berserta dengan implikasi kewangan yang terlibat perlu dikemukakan kepada urus setia MyLAB setiap tiga (3) bulan bagi tujuan pemantauan dan tindakan lanjut pihak *Executive Council* (EC) MyLAB;
- vi) Penyaluran peruntukan bagi Projek MyLAB akan disalurkan terus kepada Bendahari IPT yang terlibat. Pemantauan projek adalah dibawah tanggungjawab TNC (PI) dan RMC.

- vii) Sebarang perubahan ke atas projek perlu dimaklumkan kepada urus setia MyLAB KPT bagi tujuan pengesahan dan pemakluman kepada EC MyLAB. Sekiranya ketua projek gagal memaklumkan atau cuba menyembunyikan sebarang maklumat lain yang seharusnya menjadi makluman KPT, maka tindakan sewajarnya akan diambil ke atas projek tersebut.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**

NO.TEL.: +603 – 8870 6952 / 6957 / 6964 / 03-8000 8000 ext 4578

NO. FAKS: +603 – 8870 6867

EMEL: mylabbpki@mohe.gov.my

Sebarang pindaan di dalam Garis Panduan MyLAB adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa oleh pihak KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT).

